



(8)dIm.SUKJ.489/18-19 Jld.3

1 Januari 1996

Kepada Ketua-Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan
Dalam Negeri Johor.

**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BIL.1 TAHUN 1996**

**PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PAKAR PERUBATAN PREBET TANPA MENGIKUT
PERATURAN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa sejak kebelakangan ini terdapat beberapa kes kakitangan Kerajaan yang memohon persetujuan Kerajaan untuk menanggung perbelanjaan bagi perkhidmatan pakar perubatan prebet yang telah digunakan dengan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Perintah Am Bab 'F'. Penggunaan Perkhidmatan Pakar-pakar Perubatan Prebet ini telah di buat **TANPA** rujukan daripada Pakar Perubatan Kerajaan terlebih dahulu. Alasan yang diberi ialah kerana keadaan darurat, tetapi di dalam kebanyakan kes-kes itu didapati kakitangan yang berkenaan terus pergi mendapatkan perkhidmatan perubatan prebet atau menghantar isteri/suami kepada pakar perubatan prebet, sungguhpun terdapat masa yang cukup untuk pergi dahulu kepada Pegawai Perubatan Kerajaan.

2. Didalam beberapa kes tersebut Kerajaan telah bersetuju membayar bil-bil yang dikemukakan atas dasar peri kemanusiaan. Tetapi dengan bertambahnya kes-kes sedemikian, Kerajaan telah membuat keputusan supaya keadaan seperti ini diberhentikan dan kelulusan di dalam kes-kes yang lalu itu tidak dijadikan "precedent".

3. Ketua-ketua Jabatan adalah dikehendaki memastikan supaya peraturan-peraturan berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan pakar perubatan prebet ini dipatuhi sebelum memajukan atau memperakukan tuntutan-tuntutan kakitangan di masa yang akan datang.

4. Tuntutan-tuntutan bagi pembayaran perbelanjaan rawatan/perkhidmatan pakar perubatan prebet yang dilakukan mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa melalui Perintah-Perintah Am dan peraturan-peraturan dibawah SSB hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Kerajaan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran). Untuk memudahkan tindakan yang awal tuntutan-tuntutan tersebut hendaklah disertai dengan maklumat yang lengkap dan disokong oleh surat/dokumen yang cukup.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MOHD. RASHIDI BIN MOHD.NOOR)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
b.p Setiausaha Kerajaan Johor.